

9,089 pula terima Baucar Buku 1Malaysia bernilai RM2.27 juta

2,146 pelajar USIM terima KADS1M

Oleh FARABI SHEIKH SAID AL JABRI
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 19 Feb. - Sebanyak 2,146 orang pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerima Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) dan 9,089 pula Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) berjumlah RM2.27 juta di sini baru-baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom menjelaskan, pemberian KADS1M dan BB1M merupakan salah satu usaha kerajaan dalam memastikan golongan pelajar juga dapat diberikan perhatian ekoran kos sara diri yang terus meningkat.

Malah katanya, menerusi pemberian inisiatif itu juga sudah pasti bebanan untuk membeli buku oleh para pelajar dapat diringankan sepanjang mereka meneruskan pengajian di universiti berkenaan.

"Sebanyak 206 syarikat termasuk koperasi telah menyertai KADS1M dengan menawarkan diskaun



PARA pelajar menerima Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) dan Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Seremban, baru-baru ini.

antara dua hingga 60 peratus bagi pembelian buku, alat tulis, pakaian, kesihatan, peruncitan, penginapan,

produk teknologi maklumat, automotif dan lain-lain.

"Ini melambangkan usaha dan

sinergi antara kerajaan dan sektor swasta melalui program tanggungjawab sosial korporat yang bu-

kan sahaja memanfaatkan golongan pelajar, malah menjana pulangan perniagaan dalam jangka masa panjang," jelas beliau.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Penyerahan BB1M dan KADS1M di Galeri Hal Ehwal Pelajar, USIM yang turut dihadiri Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail.

Yang turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukur Husin dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah.

Sementara itu, Asma dalam ucapannya mahu supaya para pelajar memanfaatkan kemudahan yang diberikan menerusi KADS1M dan BB1M ke arah tujuan yang berfaedah dan sentiasa bijak dalam melakukan perbelanjaan seharian.

Malah katanya, para pelajar seharusnya mendahulukan kewajipan dan keperluan sebagai seorang pelajar menerusi pembelian yang memberikan manfaat dan tujuan ilmiah sepanjang mereka menuntut di sini.

"Pada masa yang sama saya ingin ingatkan kepada para pelajar supaya tidak menjual baucar atau kad berkenaan kepada mereka yang sering melihat keuntungan semata-mata," jelas beliau.



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
ISLAMIC SCIENCES UNIVERSITY OF MALAYSIA